

Kaji pernyataan di bawah.

Ali ingin menyiasat sama ada bahan antioksidan memberi kesan ke atas pengoksidaan makanan. Ali mendapati buah mangga tahan lebih lama apabila terdedah kepada udara setelah direndam dalam air garam berbanding setelah direndam dalam air

- (a) Nyatakan pernyataan masalah bagi situasi di atas. [1 markah]
- (b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas. [1 markah]
- (c) Menggunakan buah epal, jus limau, larutan gula, piring Petri dan radas-radas lain yang sesuai, huraikan satu eksperimen untuk menguji hipotesis di 5 (b). Huraian anda harus mengandungi kriteria yang berikut :
- (ii) Tujuan eksperimen [1 markah]
- (ii) Pengenalpastian pemboleh ubah [2 markah]
- dimanipulasikan:
  - bergerak balas:
  - dimalarkan:
- (iii) Senarai radas dan bahan [1 markah]
- (iv) Prosedur atau kaedah [4 markah]
- 1.
  - 2.
  - 3.
  - 4.

Rendamkan hirisan epal dalam jus limau dan larutan gula selama 15 minit.

Tuang  $10\text{cm}^3$  jus limau dan  $10\text{cm}^3$  larutan gula dalam bikar berasingan.

Perhatikan dan rekodkan perubahan warna hirisan epal.

Keluarkan hirisan epal dan letakkan dalam piring petri.  
Dedahkan kepada udara selama 5 jam.

(v) Penjadualan data

[1 markah]
